



كليه السلطان ايسماعيل في تروا ابي الامير العجمي KOLEJ ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ISMAIL PETRA (KIAS)

Sultan Ismail Petra International Islamic College

Peti Surat 68, Nilam Puri, 15730 Kota Bharu, Kelantan Darulnaim

Tel : 609 – 712 9386, 712 9387 Faks : 609 – 712 9444 Web Site : www.kias.edu.my

KIAS/AM/0.7/06/20

19 Jamadilakhir 1437 H/28 Mac 2016

Semua Kakitangan Akademik KIAS

Prof./Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan,

HEBAHAN BERKAITAN SUMBANGAN ARTIKEL UNTUK RISALAH KIAS

Perkara di atas adalah dirujuk.

Sebagaimana yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat Jurnal Bil.1/2016 yang bersidang pada 15 Jamadilakhir 1437 H bersamaan 24 Mac 2016, dimaklumkan bahawa pihak KIAS akan menerbitkan satu medium ilmu yang baru iaitu Risalah KIAS.

Matlamat penerbitan risalah ini ialah bagi menyediakan rujukan hukum-hakam berkaitan isu-isu semasa kepada pelajar KIAS dan masyarakat selain menyediakan satu lapangan ilmu kepada ilmuan KIAS untuk menyalurkan pandangan terhadap isu-isu ummah dan memperkasa kecenderungan menulis artikel kecil bagi meningkatkan keyakinan artikel ilmiah berkualiti.

Justeru, bagi menyokong usaha ini pihak kami mengalu-alukan sumbangan artikel daripada pihak Prof./Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan untuk dimuatkan dalam risalah berkenaan yang bakal diterbitkan pada bulan Jun tahun ini. Penulisan artikel juga perlulah mengikut garis panduan yang telah ditetapkan sebagaimana berikut:

- i. Jenis tulisan: Arial Narrow.
- ii. *Spacing*: 1.5.
- iii. *Justify*.
- iv. 4 hingga 6 halaman bagi setiap artikel.

Artikel tersebut perlulah dihantar kepada Unit Penyelidikan dan Penerbitan selewat-lewatnya pada 10 Mei 2016 (Selasa) melalui:

- i. Salinan softcopy di emel: penerbitan@kias.edu.my
- ii. Salinan *hardcopy*.

Perhatian dan kerjasama daripada pihak Prof./Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, wassalam.

Yang benar,

NUR AMALINA BINTI FAUZI

Penolong Pendaftar (Unit Penyelidikan dan Penerbitan)

s.k: Ketua Eksekutif

Timbalan Ketua Eksekutif (HEA)

Timbalan Ketua Eksekutif (HEP)

Pendaftar